

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA: 5(B)(IV)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG  
YB. ONG AH TEONG**

20. Adakah MBPP akan menyediakan kemudahan bagi penggunaan PiMap kepada orang awam?

- (a) Apakah jenis-jenis maklumat yang boleh diperolehi dari aplikasi berkenaan?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

20. Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) sememangnya ada menyediakan kemudahan PiMAP bagi kegunaan orang awam.

(a) Aplikasi PiMAP memaparkan data-data GIS MBPP secara umum yang dikongsikan melalui *web-based view* dan *mobile view* yang boleh diakses oleh pengguna. Jenis-jenis maklumat yang boleh diperolehi dari aplikasi berkenaan oleh pengguna awam adalah seperti berikut:

- Semakan dan carian maklumat No. Lot, Sempadan Mukim, Sempadan Daerah, dan Nama Jalan;
- Pelan Dasar Perancangan dan Kawalan Pemajuan MBPP (Pelan Kawalan);
- Lokasi Pejabat Majlis dan Lokasi Pejabat Kerajaan; dan

- Maklumat-maklumat asas lain seperti Tempat Letak Kereta, Tapak Pasar dan Kompleks Makanan, Balai Polis, POI (*Point Of Interest*), Kampung, dan Taman Perumahan.